

**BURSA MALAYSIA SECURITIES BERHAD****NOTA AMALAN 2****PERMINTAAN BAGI PENGGANTUNGAN**

| Perincian          | Rujukan Silang |                 |
|--------------------|----------------|-----------------|
| Tarikh kuat kuasa: | 1 Jun 2001     | Perenggan 16.03 |
| Tarikh semakan:    | 3 Ogos 2009    |                 |

**1.0 Pengenalan**

- 1.1 Penggantungan perdagangan sekuriti ("**penggantungan**") boleh dikuatkuasakan mengikut mana-mana hal keadaan yang dinyatakan dalam perenggan 16.02 dan 16.03 Kehendak-Kehendak Penyenaian.
- 1.2 Penggantungan boleh dikuatkuasakan atas permintaan penerbit tersenarai atau dikenakan oleh Bursa tanpa terikat dengan apa-apa permintaan tertakluk kepada kehendak-kehendak yang berkenaan yang dinyatakan dalam Nota Amalan ini.
- 1.3 Nota Amalan ini menjelaskan tentang tatacara operasi berkenaan dengan suatu permintaan bagi penggantungan yang dibuat oleh penerbit tersenarai.

**2.0 Borang dan maklumat untuk permintaan bagi penggantungan**

- 2.1 Apa-apa permintaan bagi penggantungan mesti dibuat secara bertulis dan dalam borang di Lampiran PN2-A. Sebagai tambahan, penerbit tersenarai mesti mengemukakan kepada Bursa apa-apa maklumat lain yang diminta oleh Bursa.
- 2.2 Permintaan bagi penggantungan mesti ditandatangani oleh seorang anggota pengurusan kanan penerbit tersenarai seperti setiausaha syarikat, pengarah pengurusan atau ketua eksekutif yang diberi kuasa sewajarnya untuk berbuat demikian oleh lembaga pengarah penerbit tersenarai.
- 2.3 Bursa hanya akan mempertimbangkan permintaan bagi penggantungan jika maklumat yang diminta menurut perenggan 2.1 telah dikemukakan sepenuhnya dan lengkap.

**3.0 Situasi yang mewajarkan penggantungan**

- 3.1 Bursa boleh meluluskan permintaan penerbit tersenarai bagi penggantungan jika -
- (a) penerbit tersenarai menghendaki masa untuk menyediakan dan mengeluarkan pengumuman yang berhubungan dengan transaksi material, seperti -
- (i) suatu transaksi yang sangat substansial sebagaimana yang ditakrifkan dalam Bab 10 Kehendak-Kehendak Penyenaian;

- 
- (ii) suatu perubahan signifikan dalam haluan perniagaan atau dasar suatu perbadanan tersenarai; atau
  - (iii) apa-apa aktiviti korporat lain yang pada pendapat Bursa adalah material;
- (b) penerbit tersenarai berhasrat untuk -
- (i) membuat pengumuman material, termasuk yang tergolong dalam perenggan 3.2 di bawah ("**Pengumuman Yang Sangat Material**") ; atau
  - (ii) mengadakan suatu persidangan media untuk membuat Pengumuman Yang Sangat Material,
- sebelum penutupan perdagangan; atau
- (c) apa-apa sebab lain yang, pada pendapat Bursa, mewajarkan suatu penggantungan.
- 3.2 Tanpa mengehadikan yang di atas, suatu pengumuman yang berhubungan dengan mana-mana yang berikut akan dianggap sebagai suatu Pengumuman Yang Sangat Material:
- (a) suatu laporan kewangan interim;
  - (b) suatu terbitan bonus atau aktiviti memungut dana;
  - (c) suatu transaksi yang ditakrifkan di bawah perenggan 10.02(l) Kehendak-Kehendak Penyenaraian, jika peratusan nisbah yang dikira mengikut Bab 10 Kehendak-Kehendak Penyenaraian ialah 25% atau lebih;
  - (d) suatu notis pengambilalihan yang telah diserahkan terhadap penerbit tersenarai yang awam tidak mempunyai pengetahuan sebelumnya; atau
  - (e) apa-apa aktiviti korporat lain.
- 3.3 Penerbit tersenarai tidak boleh membuat permintaan bagi penggantungan sekiranya ia berhubungan dengan suatu aktiviti korporat yang fakta masih dalam keadaan berubah-ubah dan belum ada penzahiran yang boleh dibuat.
- 4.0 Tempoh penggantungan dan rangka masa pengumuman**
- 4.1 Sekiranya Bursa memberikan penggantungan bagi apa-apa sebab yang dinyatakan dalam perenggan 3.1, tempoh penggantungan yang boleh diluluskan oleh Bursa ialah -
- (a) sehingga 3 hari pasaran sahaja jika sebab bagi penggantungan tergolong dalam lingkungan perenggan 3.1(a);
  - (b) sehingga 1 hari pasaran sahaja jika sebab bagi penggantungan tergolong dalam lingkungan perenggan 3.1(b); dan
  - (c) apa-apa tempoh lain yang difikirkan patut oleh Bursa jika sebab bagi penggantungan tergolong dalam lingkungan perenggan 3.1(c).
- 4.2 Bagi maksud pengiraan tempoh penggantungan -
- (a) sekiranya penggantungan dikuatkuasakan pada 9.00 a.m, hari penggantungan dikuatkuasakan akan dikira sebagai 1 hari pasaran; atau

- (b) sekiranya penggantungan dikuatkuasakan selepas 9.00 a.m, hari penggantungan dikuatkuasakan tidak akan dikira sebagai 1 hari pasaran penggantungan.

## 5.0 Pengumuman

- 5.1 Sekiranya penggantungan diberikan oleh Bursa di bawah perenggan 3.1(a), penerbit tersenarai mesti mengumumkan maklumat yang berkenaan kepada Bursa pada atau sebelum tamat tempoh penggantungan yang diluluskan oleh Bursa menurut perenggan 4.1.
- 5.2 Sekiranya penggantungan diberikan oleh Bursa di bawah perenggan 3.1(b), penerbit tersenarai mesti mengumumkan maklumat yang berkenaan kepada Bursa pada hari penggantungan diminta berkuat kuasa.
- 5.3 Sekiranya penggantungan diberikan oleh Bursa di bawah perenggan 3.1(c), penerbit tersenarai mesti mengumumkan maklumat yang berkenaan kepada Bursa pada apa-apa tarikh yang ditentukan oleh Bursa.

## 6.0 Penggantungan

- 6.1 Penerbit tersenarai hendaklah mengemukakan permintaannya bagi penggantungan sekurang-kurangnya 1 jam sebelum masa penggantungan diminta bermula. Bagi maksud perenggan ini, "1 jam" ertinya mana-mana 1 jam antara 9 a.m. hingga 1 p.m. dan 2 p.m. hingga 5.30 p.m.
- 6.2 Jika Bursa memutuskan untuk membenarkan suatu penggantungan, penggantungan itu akan dikenakan serta-merta apabila keputusan itu dibuat, walaupun jika ia boleh jadi sebelum tarikh atau masa penggantungan itu diminta bermula.
- 6.3 Sekiranya Bursa berpendapat bahawa sebab yang diberikan bagi menyokong suatu permintaan bagi penggantungan tidak mewajarkan suatu penggantungan -
- (a) Bursa akan memaklumkan penerbit tersenarai itu; dan
- (b) Bursa boleh mengikut budi bicaranya, menghendaki penerbit tersenarai untuk mengumumkan maklumat yang mencukupi untuk membolehkan pelabur membuat keputusan yang tepat, seberapa segera yang dapat dilaksanakan atau dalam masa yang ditetapkan oleh Bursa, yang dalam apa-apa keadaan tidak lebih daripada 1 hari pasaran dari pemberitahuan.

## 7.0 Ilustrasi

- 7.1 Yang berikut ialah ilustrasi pemakaian perenggan 6.1 dan 6.2:
- (a) Sekiranya A Bhd berhasrat supaya sekuritinya digantung pada 9.00 a.m. pada hari Isnin, ia perlu mengemukakan permintaannya bagi penggantungan selewat-lewatnya pada 4.30 p.m. hari Jumaat sebelumnya.
- (b) Jika pengumuman dibuat pada hari Jumaat dan Bursa memutuskan pada hari Jumaat untuk membenarkan penggantungan itu, penggantungan akan berkuat kuasa serta-merta pada hari Jumaat juga (sekiranya pada waktu itu, sesi perdagangan belum lagi berakhir).
- (c) Walau bagaimanapun, menurut perenggan 4.2(b), Bursa tidak akan mengambil kira penggantungan yang berkuat kuasa pada hari Jumaat apabila mengira tempoh penggantungan.

## LAMPIRAN PN2-A

**Borang Permintaan bagi Penggantungan**  
(perenggan 2.1)

Nama penerbit tersenarai: \_\_\_\_\_

Tarikh permintaan: \_\_\_\_\_

Tempoh penggantungan: \_\_\_\_\_ (hari) Dari: \_\_\_\_\_ a.m./p.m., [ \_\_\_\_\_ hari & tarikh \_\_\_\_\_ ] hingga  
\_\_\_\_\_ a.m./p.m., [ \_\_\_\_\_ hari & tarikh \_\_\_\_\_ ]

Jangkaan tarikh pengumuman kepada Bursa: \_\_\_\_\_

Sebab bagi permintaan. Sila tanda pada kotak yang berkenaan:

**3.1(a): Kami memerlukan masa untuk menyediakan dan mengeluarkan pengumuman yang berhubung dengan transaksi material yang berikut:**

|       |  |  |
|-------|--|--|
| (i)   | perolehan yang sangat substansial.   |  |
| (ii)  | perubahan signifikan pada haluan perniagaan dan dasar perbadanan tersenarai sebagaimana yang ditakrifkan dalam Bab 1 Kehendak-Kehendak Penyenaraian. |  |
| (iii) | apa-apa aktiviti korporat lain.  |  |

Dalam hal perenggan 3.1(a)(iii) di atas, kemukakan perincian penuh sifat aktiviti korporat, termasuk justifikasi bahawa aktiviti korporat itu material, dan, jika berkenaan nisbah peratusan.

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

Tempoh maksimum penggantungan yang dibenarkan di bawah perenggan 3.1(a)(i) – (iii) di atas ialah 3 hari pasaran.

**3.1(b): Kami berhasrat untuk membuat pengumuman material atau mengadakan persidangan media untuk membuat pengumuman material sebelum penutupan perdagangan tentang yang berikut:**

|       |   |  |
|-------|---|--|
| (i)   | laporan kewangan interim  |  |
| (ii)  | terbitan bonus atau aktiviti memungut dana  |  |
| (iii) | transaksi yang nisbah peratusan ialah bersamaan dengan atau melebihi 25%  |  |
| (iv)  | notis pengambilalihan telah diserahkan terhadap Syarikat kami yang orang ramai tidak mempunyai pengetahuan sebelumnya |  |

**Lampiran PN2-A**  
**Borang Permintaan bagi Penggantungan**

|     |                                 |  |
|-----|---------------------------------|--|
| (v) | apa-apa aktiviti korporat lain. |  |
|-----|---------------------------------|--|

Dalam hal perenggan 3.1(b)(v) di atas, kemukakan perincian penuh aktiviti korporat, termasuk justifikasi bahawa aktiviti korporat itu material, dan, jika berkenaan, nisbah peratusan.

---



---

Tempoh maksimum penggantungan yang dibenarkan di bawah perenggan 3.1(b)(i) – (v) di atas ialah 1 hari pasaran.

Sekiranya permintaan anda tidak mematuhi dengan ketat kehendak yang dinyatakan dalam perenggan 3.1(a) & 3.1(b) di atas, sila kemukakan justifikasi.

---



---

**3.1(c) apa-apa sebab lain.**

Dalam hal perenggan 3.1(c) ini, kemukakan perincian penuh sifat aktiviti korporat/hal keadaan termasuk sebab yang mewajarkan penggantungan perdagangan sekuriti Syarikat anda, dan jika berkenaan, nisbah peratusan.

---



---

Kami mengesahkan bahawa maklumat di atas adalah benar dan selanjutnya bahawa -

- (a) pengumuman kepada Bursa mengandungi permintaan bagi penggantungan dan sebab baginya, berserta dengan apa-apa maklumat tambahan yang perlu supaya pasaran sentiasa dimaklumkan dilampirkan;
- (b) kami tidak menyedari apa-apa sebab mengapa sekuriti syarikat kami tidak perlu digantung; dan
- (c) rekod penggantungan kami bagi 12 bulan yang lepas dalam bentuk jadual dilampirkan.

Orang yang boleh dihubungi:

Nama: (1) \_\_\_\_\_ (2) \_\_\_\_\_

Telefon  
No. (Terus): (1) \_\_\_\_\_ (2) \_\_\_\_\_

(Telefon Mudah Alih): (1) \_\_\_\_\_ (2) \_\_\_\_\_

Lampiran PN2-A  
Borang Permintaan bagi Peggantungan

---

Ditandatangani oleh: \_\_\_\_\_

Nama: \_\_\_\_\_

Jawatan: \_\_\_\_\_

Nota:

- (1) Sila hubungi pegawai yang berkenaan daripada Bahagian Penyenaraian untuk penjelasan/bantuan sebelum mengemukakan permintaan bagi peggantungan.
- (2) Sekiranya anda meminta peggantungan bermula pada 9.00 a.m. sila hubungi pegawai yang berkenaan daripada Bahagian Penyenaraian selewat-lewatnya pada 4.30 p.m hari perdagangan sebelumnya. Sekiranya anda memohon peggantungan bermula pada 2.30 p.m., sila hubungi pegawai yang berkenaan daripada Bahagian Penyenaraian selewat-lewatnya 12.00 tengahari pada hari yang sama.
- (3) Perincian orang yang boleh dihubungi yang berkenaan boleh diperoleh daripada laman sesawang Bursa: [www.bursamalaysia.com/website/bm/contact\\_us.html](http://www.bursamalaysia.com/website/bm/contact_us.html)
- (4) Sila fakskan permintaan anda ke mana-mana satu nombor yang berikut:
  - (a) 03-2072 0676
  - (b) 03-2072 0675
  - (c) 03-2072 0692
  - (d) 03-2072 0689

**Rekod Penggantungan 12 Bulan Lepas**

| Tarikh Permintaan | Sebab Penggantungan | Tempoh Penggantungan yang Diminta (Tarikh & Bilangan Hari) | Tempoh Penggantungan Dibenarkan Bursa (Tarikh & Bilangan Hari) | Pelanjutan Penggantungan yang Diminta (Tarikh & Bilangan Hari) | Pelanjutan Penggantungan Dibenarkan Bursa (Tarikh & Bilangan Hari) | Jumlah Bilangan Hari Penggantungan | Tarikh dan Pengumuman Penuh |
|-------------------|---------------------|--|--|--|--|------------------------------------|-----------------------------|
|                   |                     |  |  |  |  |                                    |                             |
|                   |                     |  |  |  |  |                                    |                             |
|                   |                     |  |  |  |  |                                    |                             |
|                   |                     |  |  |  |  |                                    |                             |
|                   |                     |  |  |  |  |                                    |                             |
|                   |                     |  |  |  |  |                                    |                             |
|                   |                     |  |  |  |  |                                    |                             |